

HYDROGEN PEROXIDE SOLUTION

Hydrogen Peroxide (6% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hydrogen Peroxide Solution
2. Bagaimana Hydrogen Peroxide Solution berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hydrogen Peroxide Solution
4. Cara menggunakan Hydrogen Peroxide Solution
5. Semasa menggunakan Hydrogen Peroxide Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrogen Peroxide Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hydrogen Peroxide Solution

Hydrogen Peroxide Solution digunakan untuk:

- pertolongan cemas untuk luka kecil, luka dan melecet.
- menanggalkan kain pencuci luka.
- sebagai pencuci mulut.
- membuang tahi telinga.

Bagaimana Hydrogen Peroxide Solution berfungsi

Hydrogen Peroxide Solution adalah antiseptik, iaitu bahan antimikrob yang membantu mengurangkan kemungkinan jangkitan.

Sebelum menggunakan Hydrogen Peroxide Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) terhadap *hydrogen peroxide* atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada bengkak bernanah, (cecair kuning, pekat) yang disebabkan oleh jangkitan bakteria.

-Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- hamil atau sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Hydrogen Peroxide Solution

-Berapa banyak harus digunakan

- **Rawatan awal:**
Cairkan 1 bahagian Hydrogen Peroxide dengan 1 bahagian air (3% w/v).

Gunakan larutan yang telah dicairkan pada kawasan berkenaan. Biarkan seketika untuk membebaskan oksigen, kemudian balut dengan kain pembalut atau plaster pelekat.

• Untuk kain pencuci luka:

Rendam kain dengan sepenuhnya dalam larutan yang telah dicairkan (3% w/v). Biarkan pada kawasan luka beberapa minit sebelum tanggalkannya.

• Membuang tahi telinga:

Cairkan 1 bahagian Hydrogen Peroxide dengan 3 bahagian air (1.5% w/v) dan titiskan di dalam telinga. Biarkan beberapa minit.

• Pencuci mulut:

Tambahkan 1 sudu makan Hydrogen Peroxide pada setengah gelas air dan gunakan apabila perlu.

-Bila perlu digunakan

Ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan nasihat doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Hydrogen Peroxide Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan larutan ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Larutan pekat ini hanya digunakan pada kulit sahaja.
- Tidak boleh dimakan.

- Tidak boleh balut atau gunakan plaster pelekat sebaik sahaja larutan ini digunakan.

Jangan berkongsi Hydrogen Peroxide Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hydrogen Peroxide Solution boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam→Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrogen Peroxide Solution

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair jernih tidak berwarna.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hydrogen Peroxide

- Bahan tidak aktif

Purified Water, Benzoic Acid.

-Nombor MAL
MAL19912865X

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini

22/06/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)140618/00176